使用或搖動熨斗時，為什麼會聽到咔嚓聲或金屬聲？	這些聲音是由熨斗的內部部件、噴水(噴霧)裝置、防漏水系統等輕微移動產生的。這是正常的。
為什麼有時候衣服熨燙後會變成棕色？	如果衣物上有清潔殘留物，熨燙後衣物可能會變成棕色。
使用蒸氣功能(尤其是使用噴射蒸氣)時，為什麼蒸氣孔會流出白色粉末/顆粒？	粉末/顆粒是硬水中的雜質和礦物質。這種粉末/顆粒無害，可以從衣服上刷掉。

故障處理

故障	原因，處理方法
底板不熱	▶ 請確認插頭是否插入插座接通電源。
無蒸氣	▶ 按指示加水至“MAX”位置。
	▶ 無蒸氣時，將蒸氣旋鈕設定到蒸氣的位置，或者將調溫旋鈕設置到“MAX”位置。
	▶ 蒸氣難以噴出時，請多次左右來回撥動蒸氣旋鈕，然後設定到蒸氣位置。
蒸氣/噴射量少	▶ 噴射蒸氣量少時候，請多次按動噴射按鈕。
	▶ 指示燈亮起時，請等待至燈滅後再使用。
	▶ 將調溫旋鈕設置到“MAX”位置。
無噴霧	▶ 請多次按動蒸氣按鈕。
	▶ 按指示加水至“MAX”位置。
漏水/熱水飛濺	▶ 使用蒸氣噴射時，按動噴射按鈕的時間間隔至少為2秒以上。
	▶ 指示燈亮起時，請等待至燈滅後再使用。
熨衣後衣服被沾污	▶ 熨斗或注水容器可能有污染物，請清理乾淨熨斗水箱並注入乾淨清水。

規 格

型 號	NI-U800	NI-U750	NI-U450
額定電源	220-240 V ~ 50-60 Hz		
功 率	2 185-2 600 W		2 000-2 400 W
重量 (約)	1.5 kg		
尺寸 (約)	長 297 × 闊 125 × 高 142 mm(毫米)		

本熨斗僅限於家庭使用。

Panasonic®

Arahan Penggunaan
Seterika Wap
Penggunaan Rumah Sahaja

No. Model **NI-U800**
NI-U750
NI-U450

Kandungan

Langkah peringatan	32-36
Pengenalan bahagian	36
Sebelum penggunaan	37
Cara penggunaan seterika	37-38
Panduan untuk pemilih Stim/Kering	39
Menggunakan "power shot"	39
Menggunakan "vertical shot"	40
Menggunakan "semburan"	40
Cara penjagaan dan penyimpanan seterika anda	40-43
Soal jawab	43
Penyelesaian masalah	44
Spesifikasi	44



Terima kasih kerana membeli produk Panasonic ini.
Sebelum menggunakan unit ini, sila baca arahan-arahan dengan teliti dan simpan buku panduan ini untuk rujukan masa depan.

Langkah peringatan



Bagi mengurangkan risiko kecederaan, kehilangan nyawa, kejutan elektrik, kebakaran, dan kerosakan kepada peralatan atau harta benda, sentiasa mematuhi langkah-langkah keselamatan berikut.

Penjelasan simbol


Simbol-simbol berikut digunakan untuk mengklasifikasi dan menerangkan tahap bahaya, kecederaan dan kerosakan harta benda yang disebabkan apabila denotasi diabaikan dan penggunaan yang salah dilakukan.

 AMARAN	Menandakan potensi bahaya yang boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian.
 PERINGATAN	Menandakan bahaya yang boleh mengakibatkan kecederaan kecil atau kerosakan barang kepunyaan anda.


Simbol-simbol berikut digunakan untuk mengklasifikasi dan menerangkan jenis arahan yang perlu dipatuhi.


	Simbol ini digunakan untuk mengingatkan pengguna terhadap prosedur pengendalian tertentu yang tidak boleh dilakukan.
	Simbol ini digunakan untuk mengingatkan pengguna terhadap prosedur pengendalian tertentu yang mesti diikuti supaya dapat mengendalikan unit ini dengan selamat.


AMARAN


 **Jangan gunakan seterika apabila palam kuasa atau kord kuasa rosak atau panas. Jangan sekali-kali menggunakan seterika sekiranya palam kuasa dipasang longgar di dalam soket.**


- Berbuat demikian boleh mengakibatkan kejutan elektrik atau kebakaran disebabkan oleh litar pintas.


 **Jangan meninggalkan seterika tanpa pengawasan semasa ia bersambung dengan soket.**
- Berbuat demikian boleh mengakibatkan kebakaran.


 **Jangan sambung atau memutuskan sambungan palam kuasa ke soket dengan tangan basah.**
- Berbuat demikian boleh mengakibatkan kejutan elektrik atau kecederaan.

 **Jangan rosakkan, mengubah suai, membengkok, menarik, atau memintal kord kuasa. Jangan letakkan apa-apa yang berat di atas atau memicit kord kuasa.**
- Berbuat demikian boleh mengakibatkan kejutan elektrik atau kebakaran disebabkan oleh litar pintas.

 **Jangan balut kord kuasa di sekeliling seterika apabila menyimpannya.**
- Berbuat demikian boleh menyebabkan kerosakan kepada wayar kord dan boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran disebabkan oleh litar pintas.


 **Jangan gunakan kord kuasa yang diikat.**
- Berbuat demikian boleh menyebabkan kebakaran atau kejutan elektrik.


 **Jangan gunakan seterika dengan tangan basah.**
- Berbuat demikian boleh mengakibatkan kejutan elektrik atau kebakaran disebabkan oleh litar pintas.


 **Jangan gunakan berhampiran bahan mudah terbakar (seperti benzin).**
- Berbuat demikian boleh mengakibatkan letupan atau kebakaran.


AMARAN


 **Jangan biarkan kord kuasa menyentuh permukaan panas seterika.**
- Berbuat demikian boleh mengakibatkan kejutan elektrik atau kecederaan.


 **Jangan sekali-kali mengubah suai, menanggalkan, atau membaiki sendiri peralatan.**
- Melakukannya boleh menyebabkan percikan api atau kecederaan disebabkan oleh pengendalian tidak normal. Hubungi ejen servis yang sah untuk kerja baik pulih.


 **Jangan rendam seterika dalam air atau cecair lain. Jangan bekalkan air ke unit secara terus dari kepala paip.**
- Melakukannya boleh mengakibatkan kelecuman, kejutan elektrik atau kebakaran disebabkan oleh litar pintas.


 **Seterika ini tidak boleh digunakan jika ia telah jatuh dan terdapat tanda atau kerosakan yang boleh dilihat atau jika ia mengalami kebocoran.**
- Rujuk servis kepada kakitangan servis yang sah.


 **Sentiasa pastikan peralatan ini dikendalikan pada sumber kuasa elektrik yang sepadan dengan voltan yang disenaraikan pada seterika. Masukkan palam kuasa sepenuhnya.**
- Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan kebakaran atau kejutan elektrik.

 **Cuci palam kuasa dengan kerap bagi mencegah habuk daripada terkumpul.**
• Cabut palam dan lap dengan kain kering.
- Kegagalan untuk melakukannya boleh mengakibatkan kemalangan atau kecederaan.

 **Segera hentikan dan cabut palam kuasa jika berlaku ketaknormalan atau soket.**
Contoh ketaknormalan:
• Seterika berhenti secara berkala, kord kuasa atau palam kuasa menjadi terlalu panas atau berubah warna.
• Seterika menjadi terbelok atau berbau hangit.
- Rujuk servis kepada kakitangan servis yang sah.

 **Peralatan ini tidak boleh digunakan oleh individu (termasuk kanak-kanak) dengan kekurangan keupayaan fizikal, deria atau mental, atau kekurangan pengalaman dan pengetahuan, melainkan mereka telah diberikan penyeliaan atau arahan berkaitan penggunaan oleh individu yang bertanggungjawab terhadap keselamatan mereka. Kanak-kanak perlu dipantau untuk memastikan mereka tidak bermain dengan peralatan ini.**
- Kegagalan untuk melakukannya boleh mengakibatkan kemalangan atau kecederaan.

 **Jika kord kuasa rosak, ia mesti digantikan oleh pengilang, pusat servis atau orang berkelayakan seumpamanya bagi menghindari sebarang bahaya.**
- Kegagalan untuk melakukannya boleh mengakibatkan kemalangan atau kecederaan.

 **Seterika hendaklah digunakan dan diletakkan di atas permukaan rata dan stabil. Apabila meletakkan seterika pada dudukannya, pastikan bahawa permukaan tempat dudukan diletakkan adalah stabil.**
- Jika diletakkan di atas tikar bulu atau lokasi tidak stabil, seterika boleh terjatuh dan menyebabkan kerosakan kepada tikar, kecederaan atau kelecuman.

⚠ PERINGATAN

- ⊘ **Jangan sentuh permukaan panas (misalnya permukaan plat tapak, mana-mana bahagian seterika dan kawasan panas sekitarnya) semasa penggunaan.**
 - Jangan letakkan tangan, kaki dll. di bawah papan menggosok.
 - Jangan letakkan peralatan pada tangan, lutut atau mana-mana bahagian badan anda.
 - Jangan gunakan stim bila seterika terjulur/terkelar sebahagiannya daripada papan menggosok.
 - Berbuat demikian boleh mengakibatkan kelecuman.
- ⊘ **Jangan masukkan pin atau jarum ke dalam plat tapak atau menggunakannya pada pakaian dengan jarum menjahit atau seumpamanya.**
 - Berbuat demikian boleh menyebabkan barang ini memasuki produk, oleh itu mengakibatkan kebakaran.
- ⊘ **Jangan sentuh stim atau "power shot" semasa penggunaan.**
 - Apabila menggunakan papan menggosok yang boleh ditembusi oleh stim, jangan letakkan tangan, kaki anda dsb, di bawah papan menggosok.
 - Jangan halakan stim ke arah tangan, lutut, atau mana-mana bahagian badan yang lain.
 - Jangan gunakan stim atau "power shot" bila seterika terjulur/keluar sebahagiannya daripada papan menggosok.
 - Jangan menggosok pakaian yang anda sedang anda pakai.

- ⊘ **Jangan letakkan plat tapak terlalu hampir dengan anda atau orang lain kerana stim mungkin keluar dengan tiba-tiba.**
 - Berbuat demikian boleh mengakibatkan kelecuman atau kecederaan.
- ⊘ **Jangan tambah pewangi, cuka, kanji, agen penyahkerak, bahan bantu seterika atau bahan kimia lain dalam tangki air. (Gunakan air paip bersuhu normal sahaja di dalam seterika.)**
 - Berbuat demikian boleh menyebabkan terbakar atau kerosakan kepada produk.
- ⊘ **Jangan simpan seterika sehingga ia sejuk sepenuhnya.**
 - Berbuat demikian boleh mengakibatkan kelecuman.
- ⊘ **Jangan sengetkan atau menggerakkan seterika dengan kuat secara ulang-alik.**
 - Berbuat demikian boleh menyebabkan kelecuman disebabkan oleh kebocoran air panas.
- ⊘ **Jangan simpan kord kuasa bergulung dengan sudut tajam.**
 - Keadaan ini boleh merosakkan kord.
- ⊘ **Jangan tekan butang 'power shot' berulang kali dan dengan cepat.**
 - Jika mengulangi pengendalian melebihi selang kurang daripada 2 saat, kelecuman disebabkan oleh kebocoran air boleh berlaku.
- ⊘ **Jika kekuatan tembakan menjadi rendah, jangan tekan butang 'power shot'.**
 - Berbuat demikian boleh menyebabkan kelecuman disebabkan oleh kebocoran air panas.

⚠ PERINGATAN

- ⊘ **Jangan gunakan apa-apa aksesori seterika yang terdapat di pasaran.**
 - Melakukannya boleh menyebabkan terbakar atau kerosakan kain disebabkan oleh pengendalian yang salah.
- ⊘ **Jangan gunakan seterika secara bertentangan arah.**
 - Melakukannya boleh menyebabkan kelecuman disebabkan oleh kebocoran air akibat pengendalian yang salah.
- ⊘ **Jangan gunakan produk di tempat-tempat berikut.**
 - **Berhampiran dinding atau perabot yang tidak boleh menahan suhu atau kelembapan yang tinggi**
 - Berbuat demikian boleh merosakkan dinding atau perabot.
 - **Dengan suhu tinggi, kelembapan tinggi dan terlalu banyak debu**
 - Melakukannya boleh menyebabkan kebakaran atau kejutan elektrik.
 - **Dengan asap berminyak, seperti dapur**
 - Jika tidak, produk mungkin terkakis oleh asap berminyak, lalu mengakibatkan kecederaan atau kejutan elektrik dan kebakaran mungkin disebabkan oleh litar pintas.
 - **Apabila gas mudah terbakar wujud**
 - Berbuat demikian boleh menyebabkan pengeluaran asap atau nyalaan.
- ⚠ **Jangan guna stim bila memakai sarung tangan yang boleh ditembusi oleh stim.**
 - Berbuat demikian boleh mengakibatkan kelecuman.

- ⚠ **Gunakan seterika kering pada pakaian lembap (semburan kabus).**
 - Kegagalan untuk berbuat demikian boleh merosakkan pakaian.
- ⚠ **Keringkan air dari tangki air selepas penggunaan.**
 - Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kebocoran air daripada plat tapak apabila seterika digunakan pada kali seterusnya.
- ⚠ **Putuskan sambungan palam kuasa dengan memegang wayar dan bukannya menarik kord kuasa.**
 - Kegagalan melakukannya boleh memutuskan kord kuasa dan boleh menyebabkan kelecuman, kejutan elektrik, atau kebakaran disebabkan oleh litar pintas.
- ⚠ **Apabila menggunakan ke atas fabrik berikut, uji di kawasan yang tidak ketara, atau letakkan kain lain di atas fabrik untuk mengelakkan kain daripada meninggalkan kesan.**
 - Fabrik mahal atau fabrik yang diproses khas (baldu, akrilik, nilon, kashmir, dsb.)
 - Fabrik yang dilabelkan sebagai "suhu rendah" atau "suhu sederhana", atau fabrik berwarna gelap.
 - Kegagalan untuk berbuat demikian boleh merosakkan pakaian.

⚠ PERINGATAN

❗ **Palam mesti dicabut dari soket alur keluar sebelum tangki simpanan air diisi dengan air. Di samping itu, cabut palam kuasa semasa pengosongan, pencucian dan produk tidak digunakan.**

- Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran disebabkan oleh kebocoran elektrik akibat daripada kemerosotan penebatan.

❗ **Perhatian perlu diberikan semasa menggunakan seterika.**

- Pelepasan stim boleh menyebabkan kecederaan diri.

❗ **Gunakan peralatan untuk tujuan yang dicadangkan sahaja, iaitu untuk menggosok fabrik.**

- Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan kecederaan.


❗ **Jangan simpan produk di tempat berikut.**

• Dengan suhu tinggi atau kelembapan tinggi, atau apabila bunga api wujud

• Dengan semburan air.

- Berbuat demikian boleh menyebabkan kemerosotan produk atau kegagalan produk, atau menyebabkan kemalangan atau kecederaan.

Pengenalan bahagian




- | | |
|--|--|
| A Lampu indikator operasi termostat | J Penunjuk aras air maksimum |
| B Pemegang | K Kedudukan skala pemilih suhu |
| C Pemilih suhu | L Tapak gosok |
| D Butang shot kuasa | M Bekas air |
| E Butang semburan | N Sangga dirian |
| F Pemilih stim/kering | O Kord kuasa |
| G Penutup alur masuk air | P Palam kuasa *
* Jenis palam yang memenuhi syarat negara berkenaan. |
| H Butang pembersihan automatik | |
| I Muncung semburan | |

Sebelum penggunaan

Pemilih suhu seterika mempunyai perkataan, titik dan simbol stim.

Titik adalah simbol untuk 3 julat suhu:

- Suhu rendah
- Suhu sederhana
- Suhu tinggi



Sesetengah fabrik dilabelkan dengan titik-titik ini sebagai panduan untuk memilih tetapan suhu menggosok yang betul.


Gunakan kain perah jika perlu.

Perhatian:

- Lampu petunjuk pengendalian termostat akan menyala dan terpadam secara selang seli untuk menunjukkan suhu perubahan plat tapak. Jika anda menukar pemilih suhu daripada suhu tinggi kepada suhu rendah, tunggu sehingga lampu petunjuk menyala sebelum menggunakan seterika.
- Jangan letakkan seterika panas di atas pakaian untuk tempoh masa yang lama atau bungkus kain di atas seterika panas.

Cara penggunaan seterika

1. Gerakkan pemilih stim/kering ke kedudukan kering untuk mengelakkan kebocoran air.



2. Isikan air ke dalam tangki air apabila menggunakan stim, power shot, stim tegak atau semburan.

① Buka penutup isian air. Pegang seterika sepertimana yang ditunjukkan dan isikan seterika dengan air paip sehingga " MAX " (kira-kira 300 mL).



Gunakan cawan bersih untuk pengisian.


② Letakkan seterika dalam kedudukan tegak untuk memeriksa aras air.

③ Tutup penutup isian air dengan rapat, jika tidak air akan memercik daripada tangki air semasa menggosok.


Perhatian:

Jangan terlebih isi tangki air. Stim akan dilepaskan melalui saluran apabila seterika diletakkan secara tegak.

3. Letakkan seterika dalam kedudukan duduk dan pastikan pemilih suhu ditetapkan kepada " 0 ".



4. Masukkan palam kuasa ke dalam soket.



5. Tetapkan pemilih suhu.

Lampu petunjuk pengendalian termostat akan menyala.

Rujuk "Panduan untuk pemilih Stim/Kering" di H39.

- Sila pastikan tetapan petunjuk pilih suhu ditetapkan pada kedudukan " MAX " bila menggunakan "stim tinggi" dan " power shot ".

Perhatian:

Jika suhu plat tapak tinggi, lampu tidak akan menyala.

6. Tunggu sehingga lampu petunjuk pengendalian termostat terpadam. Pegang seterika secara mendatar dan pindahkan pemilih stim/kering ke kedudukan stim apabila menggunakan "power shot". (H39)

7. Selepas setiap penggunaan

① Tetapkan pemilih stim/kering ke kedudukan kering. Jika pemilih stim/kering tidak berada dalam kedudukan kering selepas penggunaan, lebih air akan berpindah ke dalam plat tapak dan boleh mengakibatkan kelecuman apabila seterika digunakan pada lain kali.



② Kosongkan tangki air dengan segera selepas penggunaan. Jangan simpan seterika dengan air di dalamnya. Jika anda mengosongkan tangki air selepas ia telah sejuk, panaskan seterika kira-kira selama 5 minit dengan pemilih suhu ditetapkan kepada " MAX ".
• Jangan lilit kord kuasa di sekeliling seterika. Ia boleh rosak disebabkan oleh plat tapak yang panas.




③ Tunggu sehingga seterika telah menyejuk sebelum menyimpannya dan sentiasa letakkannya pada dudukan bagi melindungi plat tapak daripada Calar, kakisan atau noda.



Panduan untuk pemilih Stim/Kering

	Pemilih Stim/Kering	Zon suhu	Syor
Kering		Pilih mengikut jenis fabrik.	Bagi poliester dan bahan fiber sintetik lain.
Stim rendah			Bagi fabrik nipis atau halus yang memerlukan jumlah stim yang sedikit.
Stim tinggi			Bagi fabrik yang memerlukan stim yang banyak. (iaitu bahan tebal, item dengan kedutan degil).



Sila pastikan tetapan petunjuk pilih suhu berada pada kedudukan " MAX " bila menggunakan " stim tinggi ".

PERINGATAN:

Jangan halakan stim pada mana-mana bahagian badan anda atau orang lain.

Perhatian:


- Sistem anti-titisan akan diaktifkan apabila suhu permukaan tapak seterika turun. Lampu indikator operasi termostat akan menyala dan stim akan berhenti. Adalah normal untuk mendengar bunyi klik semasa proses ini. Sambung penggunaan hanya selepas lampu indikator operasi termostat telah padam.
- Gunakan papan seterika yang menyokong seterika stim.

Menggunakan "power shot"

Ciri "power shot" menyediakan stim tambahan yang meresap jauh ke dalam pakaian dan membantu menghapuskan kedutan degil. Jika anda tidak menggunakan ciri " power shot " dalam tempoh masa yang agak lama, ia perlu untuk mencuci bahagian dalam seterika sebelum menggunakan ciri ini pada mana-mana pakaian yang akan digosok. Anda hanya perlu menguji ciri " power shot " beberapa kali jauh daripada papan menggosok dan pakaian yang akan digosok. Ia akan menghalang kesan perang atau kesan air pada pakaian.

Tetapkan pemilih stim/kering ke kedudukan kering. Tetapkan pemilih suhu ke kedudukan " MAX ".


Pamkan sahaja butang power shot



- Pamkan butang power shot beberapa kali pada permulaan setiap sesi menggosok.
- Tekan butang power shot dalam selang sekurang-kurangnya 2 saat di antara penggunaan bagi mengelakkan kesan air.
- Jika power shot menjadi lemah, tunggu sehingga lampu petunjuk pengendalian termostat menyala dan kemudian padam.
- Gunakan kain perah jika perlu.

Menggunakan "vertical shot"

Untuk mendapatkan hasil yang lebih baik apabila menggunakan stim tegak, gantung pakaian pada penyangkut baju. Tirai dan langsir juga boleh distimkan selepas ia digantung. Pegang seterika jauh daripada badan anda, hampir tetapi tidak menyentuh fabrik. Tarik fabrik dengan kemas dan pamkan butang power shot pada selang 2 saat semasa anda menggosok seterika ke atas kain yang berkedut.



- Jika power shot menjadi lemah, tunggu sehingga lampu petunjuk pengendalian termostat menyala dan kemudian padam.


Menggunakan "semburan"

Ciri semburan paling membantu menghapuskan kedutan degil dan apabila kelembapan tambahan diperlukan.

Semburan boleh digunakan dengan gosokan stim atau kering.

Tekan sahaja butan semburan halus setiap kali semburan dikehendaki.

- Jika semburan tidak berfungsi dengan segera, teruskan mencetus sehingga semburan keluar.




Cara penjagaan dan penyimpanan seterika anda

Pencucian 3 cara


► KAEDAH(1) Menggunakan ciri pencucian sendiri

1. Isikan tangki air dengan air paip seperti yang diterangkan dalam "Cara penggunaan seterika" di H37.


2. Tetapkan petunjuk pilih suhu kepada " 0 ".




3. Masukkan palam kuasa ke dalam soket rumah.




4. Tegakkan seterika dan tetapkan petunjuk pilih suhu kepada " MAX ".



5. Selepas lampu petunjuk pengendalian termostat terpadam, tetapkan petunjuk pilih suhu kepada " 0 " dan cabut palam.




6. Pegang seterika secara mendatar di atas sinki, tekan dan tahan butang pembersihan automatik dan goncang seterika berulang kali.



Bendasing dan kerak (jika ada), bersama-sama dengan stim dan air mendidih akan dikeluarkan. Stim akan dikeluarkan terlebih dahulu dan air mendidih akan dikeluarkan kira-kira selepas 30 saat. (Berhati-hati kerana ia panas)

7. Apabila tiada lagi air di dalam tangki air, pegang seterika secara mendatar di atas sinki. Atau, tegakkan seterika di atas permukaan yang stabil dan letakkan tuala lama atau seumpamanya di bawah plat tapak.

8. Masukkan palam kuasa ke dalam soket rumah dan tetapkan petunjuk pilih suhu kepada " MAX ". Bendasing bersama-sama dengan stim dan air mendidih akan dikeluarkan.



9. Tetapkan petunjuk suhu kepada " 0 " dan cabut palam. Kemudian, rujuk kepada KAEDAH(2).

► KAEDAH(2) Menggunakan ciri "power shot"

1. Isikan tangki air dengan air paip seperti yang diterangkan dalam "Cara penggunaan seterika" di H37.

2. Tetapkan petunjuk pilih suhu kepada " 0 ".

3. Masukkan palam kuasa ke dalam soket rumah.

4. Tegakkan seterika dan tetapkan petunjuk pilih suhu kepada " MAX ".

5. Pegang seterika secara mendatar di atas sinki selepas lampu petunjuk pengendalian termostat terpadam.

6. Pamkan butang power shot dengan cepat (sekurang-kurangnya 2 kali sesaat) kira-kira selama 30 saat secara berterusan. Semasa mengepam, goncang seterika berulang kali.

7. Tetapkan petunjuk pilih suhu kepada " 0 ".

8. Cabut palam dan buang air yang tinggal di dalam tangki air.



9. Bagi menghalang kakisan lubang plat tapak, masukkan palam kuasa ke dalam soket rumah, tegakkan seterika, tetapkan petunjuk pilih suhu kepada " MAX " dan panaskan terlebih dahulu kira-kira selama 5 minit.

10. Tetapkan petunjuk pilih suhu kepada " 0 " dan cabut palam.

11. Gosok di atas kain terpakai untuk membuang sebarang bendasing pada plat tapak.

- Ulang KAEDAH(1) dan KAEDAH(2) sekiranya pengeluaran stim tidak bertambah baik.
- Gunakan kedua-dua kaedah sekali setiap dua minggu. Jika air sangat sikat untuk keluar (iaitu lubang stim pada tapak plat mudah tersumbat oleh bendasing), kedua-dua kaedah perlu digunakan dengan lebih kerap.
- Biarkan seterika menyejuk di atas dudukannya dan ikuti arahan di dalam "Selepas setiap penggunaan" pada H38.

► KAEDAH(3) Sistem anti kalk (Lubang kekal bersih)

Sistem anti-kapur terbina dalam tangki air secara berterusan mengurangkan pembentukan kerak di dalam ruang penguapan seterika. Sistem ini membolehkan seterika menggunakan fungsi stim untuk tempoh masa yang panjang dan menghalang lubang stim daripada tersumbat.

Sistem anti-titisan (kedapan air automatik)


Model ini mempunyai sistem anti-titisan. Apabila suhu permukaan plat tapak turun kepada rendah, injap untuk kebuk pengewapan di dalam seterika akan ditutup secara automatik dan menghentikan air daripada mengalir. Keadaan ini menghalang air panas yang tidak diwapkan daripada melimpah keluar daripada plat tapak apabila seterika telah sejuk. Dengan sistem ini, ia perlu bagi anda menunggu sehingga bahagian dalam kebuk pengewapan mengering sepenuhnya bila anda menyimpan seterika.

Perhatian:

- Bunyi klik yang didengar bukanlah tanda kerosakan. Bunyi ini boleh didengar setiap kali sistem ini diaktifkan.

Fungsi penutupan automatik 3 cara elektronik (NI-U800 sahaja)

- Ciri penutupan automatik tidak bertujuan untuk menggantikan tindakan mencabut kord. Sistem penutupan automatik berfungsi tanpa mengira kedudukan pemilih suhu.
1. Apabila seterika dibiarkan terbiar dengan plat tapaknya menghadap ke bawah atau pada di sisinya kira-kira selama 1 minit, seterika akan mati secara automatik.
 2. Apabila seterika dibiarkan dan tidak digunakan pada kedudukan menegak selama 10 minit, seterika akan mati secara automatik.
 3. Untuk meneruskan semula menggosok dan menghidupkan seterika, gerakkan sahaja seterika dalam apa-apa cara. Jika seterika telah ditinggalkan dalam mod penutupan auto selama lebih daripada 10 minit. Biarkan seterika untuk panas semula sehingga lampu petunjuk terpadam.



1 minit hingga " 0 " 1 minit hingga " 0 " 10 minit hingga " 0 "

Sentiasa cabut palam seterika apabila anda siap menggosok. Walaupun palam kuasa seterika dicabut, plat tapak masih panas. Pastikan seterika diletakkan pada dudukannya, jauh daripada fabrik.

Cara penjagaan seterika anda

► Permukaan seterika

- Selepas mencabut palam dan menyejukkan seterika, lapkan sahaja menggunakan kain lembap dan jika perlu, gunakan detergen ringan.
- Jangan sekali-kali menggunakan sebarang pencuci yang kuat.

► Plat tapak

- Kanji dan sisa lain mungkin disingkirkan dengan mudah daripada plat tapak menggunakan kain lembap.
- Bagi mengelakkan permukaan daripada tercalar, jangan sekali-kali menggunakan pad berlogam untuk membersihkan plat tapak dan jangan sekali-kali meletakkan seterika di atas permukaan yang kasar.
- Cara terbaik untuk menyingkirkan sisa sintetik daripada plat tapak ialah dengan menggosok di atas kain buruk kapas lama selepas memanaskan seterika.

Perhatian:

- Jangan sekali-kali menggunakan pencuci di dalam seterika, kerana ia boleh merosakkan bahagian dalaman seterika. Sedikit bau mungkin dilepaskan semasa penggunaan awal seterika, namun begitu, ini adalah perkara biasa dan bau tersebut tidak akan melekat pada pakaian anda. Jangan sekali-kali menggunakan bahan pencuci seterika stim di dalam seterika, kerana ia boleh merosakkan bahagian dalaman seterika.

Soal jawab

Soalan	Jawapan
Mengapa bunyi " klik " atau bunyi " logam " kedengaran semasa menggunakan atau menggoncang seterika?	Bunyi-bunyi ini terhasil oleh bahagian dalaman seterika, mekanisme semburan, pencegahan kebocoran, dsb., yang bergerak sedikit. Ini adalah perkara biasa.
Mengapa pakaian kadang kala menjadi perang selepas digosok?	Jika masih terdapat bahan pencuci pada fabrik, pakaian mungkin menjadi perang selepas digosok.
Mengapa terdapat serbuk/zarah halus terkeluar daripada lubang stim semasa menggunakan fungsi stim (terutamanya apabila menggunakan " power shot ")?	Serbuk/zarah merupakan rawatan hidrofobik atau bendasing dan mineral yang ditemui dalam air keras dsb. Bahan ini tidak berbahaya dan boleh disingkirkan daripada pakaian.

Penyelesaian masalah

Masalah	Punca, Penyelesaian
Tiada pemanasan	▶ Pastikan palam kuasa dimasukkan ke dalam soket rumah.
Tiada stim	▶ Isikan tangki air dengan air paip sehingga titik " MAX ". ▶ Jika tiada stim, tetapkan pemilih stim/kering ke kedudukan stim, atau tetapkan pemilih suhu kepada " MAX ". ▶ Bagi stim lemah, gerakkan pemilih stim/kering beberapa kali, kemudian tetapkan semula ke kedudukan stim.
Kuasa stim lemah	▶ Tekan butang "power shot" beberapa kali apabila "power shot" nampak tidak mencukupi. ▶ Tunggu sehingga lampu petunjuk pengendalian termostat terpadam sebelum menggunakan seterika. ▶ Tetapkan pemilih suhu kepada " MAX ".
Tiada semburan	▶ Tekan pencetus lembapan semburan beberapa kali. ▶ Isikan tangki air dengan air paip sehingga titik " MAX ".
Kebocoran air daripada lubang stim	▶ Tekan butang "power shot" dalam selang sekurang-kurangnya 2 saat apabila menggunakan " power shot ". ▶ Tunggu sehingga lampu petunjuk pengendalian termostat terpadam sebelum menggunakan seterika.
Pakaian meninggalkan tanda	▶ Kosongkan tangki air dan isinya dengan air bersih. Mungkin terdapat bahan cemar di dalam seterika/cawan.

Spesifikasi

No. Model	NI-U800	NI-U750	NI-U450
Sumber kuasa	220-240 V ~ 50-60 Hz		
Penggunaan kuasa	2 185-2 600 W		2 000-2 400 W
Berat (kira-kira)	1.5 kg		
Ukuran (kira-kira)	297 × 125 × 142 mm		

Seterika ini khas untuk kegunaan di rumah sahaja.

MEMO
